

TERMS AND CONDITIONS GOVERNING SAVINGS ACCOUNT-I
TERMA DAN SYARAT YANG MENTADBIR
AKAUN-SIMPANAN-I

EFFECTIVE DATE:
BERKUAT KUASA

17/03/26



BEFORE YOU SUBMIT AN APPLICATION FOR THIS PRODUCT, PLEASE READ THE FOLLOWING TERMS AND CONDITIONS CAREFULLY. BY SUBMITTING AN APPLICATION, YOU SIGNIFY YOUR AGREEMENT TO THESE TERMS AND CONDITIONS AND YOU SHALL BE BOUND BY THE SAME.

SEBELUM ANDA MEMBUAT PERMOHONAN UNTUK PRODUK INI, SILA BACA TERMA DAN SYARAT BERIKUT DENGAN TELITI. DENGAN MEMBUAT SEBARANG PERMOHONAN, ANDA MENANDAKAN PERSETUJUAN ANDA KEPADA TERMA DAN SYARAT INI DAN ANDA AKAN TERIKAT DENGAN YANG SAMA.

1.0 OVERVIEW

- 1.1 These are the Terms and Conditions governing the use of our Savings Account-i, as amended from time to time, and are binding on you. It includes all requirements, directives, regulations, guidelines and orders issued by us and any authority having jurisdiction over us, from time to time. These Terms and Conditions shall be read together with the terms and conditions governing our other products and/or services which are available at the AEON Bank Website and/or the AEON Bank Application.
- 1.2 The Savings Account-i is a deposit account without a passbook and without a checking facility. This Savings Account-i also has additional features such as the Savings Pot, further details of which can be found at the AEON Bank Website and/or the AEON Bank Application. These Terms and Conditions relating to Savings Account-i shall apply as well to the Savings Pot.
- 1.3 You are advised to read and understand these Terms and Conditions before accepting them. You are deemed to have accepted these Terms and Conditions digitally.
- 1.4 In the event of any conflict in the interpretation and translation of these Terms and Conditions in any language, the English version of these Terms and Conditions shall prevail.

2.0 DEFINITION & INTERPRETATIONS

- 2.1 The following terms and expressions shall apply to these Terms and Conditions, unless the context requires otherwise:

"Actual Profit" refers to the actual profit to be credited into your Savings Account-i on the last day of every month and calculated based on the prevailing EPR.

"AEON Bank Application" refers to the Mobile Application that you use to access AEON Banking Services.

"AEON Bank Application Terms and Conditions" refers to the terms and conditions of the AEON Bank Application.

"AEON Bank Website" refers to our webpage where it consists of further details of our AEON Banking Services which you can access through your Mobile Devices at any time.

1.0 RINGKASAN

- 1.1 Berikut adalah Terma dan Syarat yang mentadbir penggunaan Akaun Simpanan-i, sebagaimana yang dipinda dari masa ke semasa, dan mengikat anda. Ia termasuk semua keperluan, arahan, peraturan, garis panduan dan perintah yang dikeluarkan oleh kami dan mana-mana pihak berkuasa yang mempunyai bidang kuasa ke atas kami, dari masa ke semasa. Terma dan Syarat ini hendaklah dibaca bersama terma dan syarat yang mentadbir produk dan/atau perkhidmatan kami yang lain yang boleh didapati di Laman Web AEON Bank dan/atau Aplikasi AEON Bank.
- 1.2 Akaun Simpanan-i adalah akaun deposit tanpa buku simpanan dan tanpa kemudahan cek. Akaun Simpanan-i juga mempunyai ciri-ciri tambahan seperti Savings Pot, di mana maklumat lanjut boleh didapati di Laman Web AEON Bank dan/atau Aplikasi AEON Bank. Terma dan Syarat yang berkaitan dengan Akaun Simpanan-i ini terpakai juga kepada Savings Pot.
- 1.3 Anda dinasihatkan untuk membaca dan memahami Terma dan Syarat ini sebelum menerimanya. Anda dianggap telah menerima Terma dan Syarat ini secara digital.
- 1.4 Sekiranya berlaku sebarang percanggahan dalam penafsiran terjemahan Terma dan Syarat ini dalam mana-mana bahasa, Bahasa Inggeris bagi Terma dan Syarat ini akan diguna pakai.

2.0 DEFINISI DAN TAFSIRAN

- 2.1 Terma dan ungkapan berikut akan terpakai kepada Terma dan Syarat ini, melainkan konteksnya menghendaki sebaliknya:

"Keuntungan Sebenar" merujuk kepada keuntungan sebenar yang akan dikreditkan ke dalam Akaun Simpanan-i anda pada hari terakhir setiap bulan dan dikira berdasarkan EPR semasa.

"Aplikasi AEON Bank" merujuk kepada Aplikasi Mudah Alih yang anda gunakan untuk mengakses Perkhidmatan Perbankan AEON.

"Terma dan Syarat Aplikasi AEON Bank" merujuk kepada terma dan syarat Aplikasi AEON Bank.

"Laman Web AEON Bank" merujuk kepada laman web kami di mana ia mengandungi butiran lanjut tentang Perkhidmatan Perbankan AEON yang boleh anda akses melalui Peranti Mudah Alih anda pada bila-bila masa.

AEON Bank (M) Berhad : 202201026163 (1471860K)

Level 12, UOA Corporate Tower, Avenue 10,

The Vertical, Bangsar South City, No. 8, Jalan Kerinchi, 59200 Kuala Lumpur

Tel : 03-48168888 | Email : customer.support@aeonbank.com.my

"AEON Banking Services" refers to our facilities, products and services that are made available to you that can be accessed through the AEON Bank Website and/or the AEON Bank Application.

"AEON Bank Contact Centre" refers to our details as follows:
Email: customer.support@aeonbank.com.my

"AEON Group" refers to all companies that are deemed related to us, including our parent company, and all related subsidiaries of such parent company.

"ATM" refers to an automated teller machine.

"ATM PIN" refers to the six-digit numeric personal identification number (ATM PIN) for a Debit Card-i issued to you under your Account.

"Authorised Cash Outlets" refers to any member institution of which are authorised to accept PayNet or any other brand owners of which we are a member to facilitate cash withdrawal.

"Auto Debit" refers to recurring payments made by you through the Debit Card-i for payment of Takaful/insurance, bills, and/or other services that we may introduce and provide from time to time.

"BNM" refers to Bank Negara Malaysia.

"Card-Not-Present Transaction" refers to Transactions made where you are unable or not required to present the card physically when making payment including but not limited to online, Auto Debit, mail order and telephone order (MOTO) transactions.

"Card-Present Transaction" refers to Transactions made where you present the Debit Card-i physically when making payment included but not limited to Retail Purchases.

"Commodity" refers to goods or assets that are approved by our Shariah Committee. The type of commodity to be purchased is at our sole discretion as your appointed agent.

"Commodity Trading" refers to the sale and purchase contract transactions performed in accordance with the Shariah contract of *Murabahah* via *Tawarruq* arrangement.

"Commodity Trading Platform" refers to the platform which facilitates Commodity Trading, operated by the asset trader, asset exchange or commodity exchange as approved by our Shariah Committee.

"Perkhidmatan Perbankan AEON" merujuk kepada kemudahan, produk dan perkhidmatan kami yang disediakan untuk anda yang boleh diakses melalui Laman Web AEON Bank dan/atau Aplikasi AEON Bank.

"Pusat Hubungan AEON Bank" merujuk kepada butiran kami seperti berikut:
E-mel: customer.support@aeonbank.com.my

"Kumpulan AEON" merujuk kepada semua syarikat yang dianggap berkaitan dengan kami, termasuk syarikat induk kami, dan semua anak syarikat berkaitan syarikat induk tersebut.

"ATM" merujuk kepada mesin juruwang automatik.

"PIN ATM" merujuk kepada nombor pengenalan peribadi 6-digit (PIN ATM) untuk Kad Debit-i dikeluarkan kepada anda di bawah Akaun anda.

"Cawangan Tunai Sah" merujuk kepada mana-mana ahli institusi yang diberi kuasa untuk menerima PayNet atau mana-mana pemilik jenama lain yang mana kami merupakan ahli untuk memudahkan pengeluaran tunai.

"Auto Debit" merujuk kepada pembayaran berulang yang dibuat oleh anda melalui Kad Debit-i untuk pembayaran Takaful/insurans, bil-bil dan/atau perkhidmatan lain yang kami mungkin perkenalkan dan sediakan dari masa ke semasa.

"BNM" merujuk kepada Bank Negara Malaysia.

"Transaksi Tanpa Kad" merujuk kepada Transaksi yang dibuat di mana anda tidak dapat atau tidak perlu mengemukakan kad secara fizikal semasa membuat pembayaran termasuk tetapi tidak terhad kepada dalam talian, Auto Debit, pesanan mel dan pesanan telefon (MOTO).

"Transaksi Dengan Kad" merujuk kepada Transaksi yang dibuat di mana anda mengemukakan Kad Debit-i secara fizikal apabila membuat pembayaran termasuk tetapi tidak terhad kepada Pembelian Runcit.

"Komoditi" merujuk kepada barangan atau aset yang diluluskan oleh Jawatankuasa Syariah kami. Jenis komoditi yang akan dibeli adalah mengikut budi bicara kami sebagai ejen lantikan anda.

"Perdagangan Komoditi" merujuk kepada urus niaga kontrak jual beli yang dilakukan mengikut kontrak syariah Murabahah melalui aturan Tawarruq.

"Platform Perdagangan Komoditi" merujuk kepada platform yang memudahkan Perdagangan Komoditi, yang dikendalikan oleh pedagang aset, pertukaran aset atau pertukaran komoditi sebagaimana yang diluluskan oleh Jawatankuasa Syariah kami.

“Contactless Reader” refers to the secure reader that is equipped within a POS Terminal through which Contactless Transaction purchases may be made.

“Contactless Transaction” refers to any Transaction that is made by tapping or waving the Debit Card-i in front of a Contactless Reader.

“CPO” refers to crude palm oil.

“CPR” refers to the contracted ceiling profit rate used to calculate the Profit in the Sale Price of Commodity Murabahah as determined by us.

“Debit Card-i” refers to the Debit Card-i that we may issue to you providing electronic access to your Savings Account-i, and to allow you to effect any Transactions subject to the terms and conditions of the Debit Card-i.

“End of Year Balance” refers to your total balances as at 31 December of each year including your deposit amount as well as Actual Profit credited into your Savings Account-i (if any).

“EOD” refers to end of day.

“EPR” refers to the effective profit rate used to calculate the Actual Profit as determined by us.

“E-Statement” refers to the monthly statement issued to you in relation to your Savings Account-i.

“FEP” refers to the Foreign Exchange Notices Policy issued by BNM, as may be amended from time to time.

“Force Majeure” refers to events or situations beyond our control including earthquakes, floods, fire, plague, epidemic, pandemic, acts of God, other natural disasters or catastrophe, industrial dispute, act of public enemy, terrorism, riots, civil commotion or disturbances, war (whether declared or not), strikes, embargo, any factor in a nature of a force majeure, or any failure or disruption to telecommunication, electricity, water, fuel supply.

“Hamish Jiddiyah” refers to the security deposit that will be paid by us to you to secure undertakings made by us to purchase the Commodity from you before the Commodity Trading takes place as described in Clause 8 below.

“IFSA 2013” refers to Islamic Financial Services Act 2013, as may be amended from time to time.

“Instructions” refers to any request, application, authorisation or instructions in any form given by you to us or transmitted through the AEON Bank Application.

“Pembaca Tanpa Sentuhan” merujuk kepada pembaca selamat yang dilengkapi dalam Terminal POS yang melaluinya pembelian Transaksi Tanpa Sentuhan boleh dibuat.

“Transaksi Tanpa Sentuhan” merujuk kepada sebarang Transaksi yang dibuat dengan menyentuh atau mengimbas Kad Debit-i di hadapan Pembaca Tanpa Sentuhan.

“CPO” merujuk kepada minyak sawit mentah.

“CPR” merujuk kepada kadar keuntungan siling yang dikontrak digunakan untuk mengira Keuntungan dalam Harga Jual seperti yang ditentukan oleh kami.

“Kad Debit-i” merujuk kepada Kad Debit-i yang kami keluarkan kepada anda yang menyediakan akses elektronik kepada Akaun Simpanan-i anda, dan untuk membolehkan anda melaksanakan sebarang Transaksi yang tertakluk kepada terma dan syarat Kad Debit-i.

“Baki Akhir Tahun” merujuk kepada jumlah baki anda pada 31 Disember setiap tahun termasuk jumlah deposit anda serta Keuntungan Sebenar yang dikreditkan ke dalam Akaun Simpanan-i anda (jika ada).

“EOD” merujuk kepada penghujung hari.

“EPR” merujuk kepada kadar keuntungan efektif yang digunakan untuk mengira Keuntungan Sebenar seperti yang ditentukan oleh kami.

“E-Penyata” merujuk kepada penyata bulanan yang dikeluarkan kepada anda berhubung Akaun Simpanan-i.

“FEP” merujuk kepada Polisi Notis Pertukaran Asing (Foreign Exchange Notices Policy) yang dikeluarkan oleh BNM, sebagaimana yang dipinda dari masa ke semasa.

“Force Majeure” merujuk kepada peristiwa atau situasi di luar kawalan kami termasuk gempa bumi, banjir, kebakaran, wabak, epidemik, pandemik, perbuatan Tuhan, bencana alam atau malapetaka lain, pertikaian industri, tindakan musuh awam, keganasan, rusuhan, kekecohan atau gangguan sivil, peperangan (sama ada diisytiharkan atau tidak), mogok, embargo, atau sebarang faktor yang bersifat force majeure, atau sebarang kegagalan atau gangguan kepada telekomunikasi, elektrik, air, bekalan bahan api.

“Hamish Jiddiyah” merujuk kepada deposit keselamatan yang akan dibayar oleh kami kepada anda untuk menjamin aku janji yang dibuat oleh kami untuk membeli Komoditi daripada anda sebelum Perdagangan Komoditi berlaku seperti yang diterangkan dalam Klausa 8 di bawah.

“IFSA 2013” merujuk kepada Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (Islamic Financial Services Act 2013), sebagaimana yang mungkin dipinda dari masa ke semasa.

“Arahan” merujuk kepada sebarang, permintaan, permohonan, kebenaran atau arahan dalam sebarang bentuk yang anda berikan kepada kami atau dihantar melalui Aplikasi AEON Bank.

“Merchant” refers to any retailer or person, firm or organisations who accept or cause its outlet to accept the Debit Card-i when presented for payment for the supply of goods and/or services.

“Mobile Application” refers to an application which you may download and install via iOS or Android Mobile Devices to receive Push Notification and/or to perform selected AEON Banking Services.

“Mobile Device” refers to any mobile electronic or telecommunication device, including without limitation, mobile phones, smartphones, laptops or tablets, that may be used to access the AEON Bank Application.

“Net Incremental Amount” refers to:

- (i) the increase in the EOD balance from the previous day; and
- (ii) the Actual Profit (if any).

“OFS” refers to the Ombudsman Financial Services, which is a financial consumer dispute resolution body.

“OTP” refers to the 6-digit one-time password that is used to confirm and authorise any Transactions effected via the AEON Bank Application by you.

“Overseas Transactions” refers to Transactions performed at Merchants and/or Authorised Cash Outlets outside of Malaysia using the Debit Card-i.

“PayNet” refers to Payment Network Malaysia Sdn Bhd.

“PDF” refers to Portable Document Format

“Personal Data” refers to your personal data which we may collect from you from time to time which include your sensitive personal data.

“POS Terminal” refers to an electronic device which belongs to other financial institutions or any other third party in Malaysia and overseas that is used to process card payments at Merchant outlets which accept payments.

“Product Disclosure Sheet” refers to the product disclosure sheet(s) of the respective products and services by us.

“Profit” refers to the profit component in the Sale Price and calculated based on CPR.

“Purchase Price” refers to the cost price of purchasing the Commodity equivalent to either the EOD balances on account opening day, or the Net Incremental Amount, or the End of Year Balance in your Savings Account-i (whichever applicable).

“Pedagang” merujuk kepada mana-mana peruncit atau individu, firma atau organisasi yang menerima atau menyebabkan cawangannya menerima Kad Debit-i apabila dikemukakan untuk pembayaran bagi pembekalan barangan dan/atau perkhidmatan.

“Aplikasi Mudah Alih” merujuk kepada aplikasi yang boleh anda muat turun dan pasang melalui Peranti Mudah Alih iOS atau Android untuk menerima Paparan Notifikasi dan/atau untuk melaksanakan Perkhidmatan Perbankan AEON terpilih.

“Peranti Mudah Alih” merujuk kepada mana-mana peranti elektronik atau telekomunikasi mudah alih, termasuk tanpa had, telefon mudah alih, telefon pintar, komputer riba atau tablet, yang boleh digunakan untuk mengakses Aplikasi AEON Bank.

“Amaun Tambahan Bersih” merujuk kepada:

- (i) Peningkatan baki EOD daripada hari sebelumnya; dan
- (ii) Keuntungan Sebenar (jika ada).

“OFS” merujuk kepada Perkhidmatan Kewangan Ombudsman, yang merupakan badan penyelesaian pertikaian pengguna kewangan.

“OTP” merujuk kepada kata laluan 6-digit sekali guna yang digunakan untuk mengesahkan dan membenarkan sebarang Transaksi yang dilaksanakan melalui Aplikasi AEON Bank oleh anda.

“Transaksi Luar Negara” merujuk kepada Transaksi yang dilakukan di Pedagang dan/atau Cawangan Tunai Sah di luar Malaysia menggunakan Kad Debit-i.

“PayNet” merujuk kepada Payment Network Malaysia Sdn Bhd.

“PDF” merujuk kepada Format Dokumen Mudah Alih.

“Data Peribadi” merujuk kepada data peribadi anda yang kami mungkin kumpulkan daripada anda dari masa ke semasa yang termasuk data peribadi sensitif anda.

“Terminal POS” merujuk kepada peranti elektronik yang dimiliki oleh institusi kewangan lain atau mana-mana pihak ketiga lain di Malaysia dan luar negara yang digunakan untuk memproses pembayaran-pembayaran kad di cawangan Pedagang yang menerima pembayaran.

“Helaian Pendedahan Produk” merujuk kepada helaian pendedahan produk dan perkhidmatan masing-masing oleh kami.

“Keuntungan” merujuk kepada komponen keuntungan dalam Harga Jualan dan dikira berdasarkan CPR.

“Harga Belian” merujuk kepada harga kos pembelian Komoditi bersamaan sama ada baki EOD pada hari pembukaan akaun, atau Amaun Tambahan Bersih, atau Baki Akhir Tahun dalam Akaun Simpanan-i anda (yang mana berkenaan).

“Push Notification” refers to any transaction authentication, post-transaction alert, security alert, system maintenance, promotion and other types of messages that may be sent to your Mobile Device even when your Mobile Device is locked, on standby, or the Mobile Application is not running.

“Retail Purchases” refers to all payments made for Card-Present-Transaction and/or Card-Not-Present Transaction incurred when the Debit Card-i is in use.

“RUM” refers to the Registrar of Unclaimed Moneys as defined in the Unclaimed Moneys Act 1965.

“Sale Price” refers to the selling price for us to acquire the Commodity from you on *Murabahah* basis which consists of the Purchase Price and the Profit.

“Savings Account-i” refers to the Savings Account-i, which is a Shariah-compliant deposit account in Malaysian Ringgit currency.

“Savings Pot” refers to the virtual savings plan that is within the Savings Account-i where its features can be found on the AEON Bank Website and/or the AEON Bank Application.

“Shariah” refers to Shariah standards as determined from time to time by the rulings of the Shariah Advisory Council of BNM and advice of our Shariah Committee. We agree that our respective rights and obligations herein are intended to be and in conformity with the Shariah as determined from time to time by the rulings and Shariah standards of Shariah Advisory Council of BNM and our Shariah Committee.

“Shariah Advisory Council” refers to the Shariah Advisory Council of BNM.

“Shariah Committee” refers to our Shariah committee.

“SST” refers to the Self Service Terminals which include ATMs that support MEPS / VISA functionality.

“Tawarruq Notice” refers to the written notice issued to you on an annual basis which contains information on the Tawarruq transactions of your Savings Account-i.

“Tenure” refers to the duration in days from the Tenure Effective Date to Tenure Expiry Date.

“Tenure Effective Date” refers to Day 1 after the Tenure Expiry Date or account opening date or the date where there is a Net Incremental Amount.

“Tenure Expiry Date” refers to 31 December of every calendar year.

“Transactions” refers to all transaction(s) that is/are effected through the use of the Debit Card-i and/or the AEON Bank

“Paparan Notifikasi” merujuk kepada sebarang pengesahan transaksi, amaran selepas transaksi, amaran keselamatan, penyelenggaraan sistem, promosi dan jenis-jenis mesej lain yang mungkin dihantar ke Peranti Mudah Alih anda walaupun apabila Peranti Mudah Alih anda dikunci, dalam keadaan siap sedia atau Aplikasi Mudah Alih tidak berjalan.

“Pembelian Runcit” merujuk kepada semua pembayaran yang dibuat untuk Transaksi Dengan Kad dan/atau Transaksi Tanpa Kad yang ditanggung apabila Kad Debit-i sedang digunakan.

“RUM” merujuk kepada Pendaftar Wang Tak Dituntut (Registrar of Unclaimed Moneys) seperti yang ditakrifkan dalam Akta Wang Tak Dituntut 1965.

“Harga Jualan” merujuk kepada harga jualan untuk kami memperoleh Komoditi daripada anda atas dasar Murabahah yang terdiri daripada Harga Belian dan Keuntungan.

“Akaun Simpanan-i” merujuk kepada Akaun Simpanan-i, iaitu akaun deposit patuh Syariah dalam mata wang Ringgit Malaysia.

“Savings Pot” merujuk kepada pelan simpanan maya yang berada dalam Akaun Simpanan-i di mana ciri-cirinya boleh didapati di Laman Web AEON Bank dan/atau Aplikasi AEON Bank.

“Syariah” merujuk kepada piawaian Syariah seperti yang ditentukan dari masa ke semasa oleh ketetapan Majlis Penasihat Syariah BNM dan nasihat Jawatankuasa Syariah kami. Kami bersetuju bahawa hak dan kewajipan kami masing-masing di sini adalah bertujuan untuk menjadi dan selaras dengan Syariah seperti yang ditentukan dari masa ke semasa oleh ketetapan dan piawaian Syariah Majlis Penasihat Syariah BNM dan Jawatankuasa Syariah kami.

“Majlis Penasihat Syariah” merujuk kepada Majlis Penasihat Syariah BNM.

“Jawatankuasa Syariah” merujuk kepada jawatankuasa Syariah kami.

“SST” merujuk kepada Terminal Layan Diri termasuk ATM yang menyokong fungsi MEPS / VISA.

“Notis Tawarruq” merujuk kepada notis bertulis yang dikeluarkan kepada anda setiap tahun yang mengandungi maklumat mengenai transaksi Tawarruq berkaitan Akaun Simpanan-i anda.

“Tempoh” merujuk kepada tempoh dalam hari dari Tarikh Kuat Kuasa Tempoh hingga Tarikh Luput Tempoh.

“Tarikh Kuat Kuasa Tempoh” merujuk kepada Hari 1 selepas Tarikh Luput Tempoh atau tarikh pembukaan akaun atau tarikh di mana terdapat Amaun Tambahan Bersih.

“Tarikh Luput Tempoh” merujuk kepada 31 Disember setiap tahun.

“Transaksi” merujuk kepada semua transaksi yang sedang/telah dilaksanakan melalui penggunaan Kad Debit-i

Application or any other electronic banking services that we shall offer and introduce from time to time. Transactions shall include but not limited to cash withdrawal, Retail Purchase, fund transfer, balance inquiry, payment, deposit of cash, payment of bills.

“User ID” refers to the unique name made up of a string of characters chosen by you, constitutes one part of your electronic signature hereunder and is the only means by which to allow us to identify you, which you must key-in in order for the AEON Bank Application system to associate your User ID with your user profile and your Account.

“U.S Person” refers to any citizen or resident of the United States of America, its territories and possessions, and all areas subject to its jurisdiction.

- 2.2 Words importing the singular shall include the plural and vice versa.
- 2.3 Words importing the masculine gender shall include the feminine and neuter genders and vice versa.
- 2.4 All references to provisions of statutes include subsidiary legislation and all modifications, re-certification and re-enactment of or to such statutes and subsidiary legislations from time to time and for the time being in force.

3.0 SHARIAH COMPLIANCE

- 3.1 The Savings Account-i is a savings account based on the Shariah contract of *Murabahah* via *Tawarruq* Arrangement (“*Tawarruq* Arrangement”). *Murabahah* sale is a cost plus profit sale involving a sale of the Commodity at the Purchase Price and the Profit.
- 3.2 The *Tawarruq* Arrangement consist of consecutive sale and purchase contracts of the Commodity through an approved Commodity Trading Platform whereby:
 - (a) we (on your behalf) will buy the Commodity from commodity supplier(s), at the Purchase Price;
 - (b) we (on your behalf) will then sell the Commodity to ourselves, on *Murabahah* basis, at the Sale Price and on deferred payment. Subject to these Terms and Conditions, the Sale Price shall be the amount payable to you by us, upon the expiry of the Tenure and subject to *lbra'* (rebate) if any; and
 - (c) we will then sell the Commodity to different third party, at the Purchase Price
- 3.3 Under *Tawarruq* Arrangement and as per Clause 5, there will be a dual *Wakalah* (agency) arrangement by all depositors to the Savings Account-i, whereby you appoint us (and upon agreeing to these Terms and Condition, you hereby do so appoint us) as your agent to execute and conclude following sale and purchase contracts of the Commodity:

dan/atau Aplikasi AEON Bank atau mana-mana perkhidmatan perbankan elektronik lain yang kami akan tawarkan dan perkenalkan dari masa ke semasa. Transaksi akan termasuk tetapi tidak terhad kepada pengeluaran tunai, Pembelian Runcit, pemindahan dana, pertanyaan baki, pembayaran, deposit tunai, pembayaran bil.

“ID Pengguna” merujuk kepada nama unik yang terdiri daripada rentetan aksara yang dipilih oleh anda, membentuk satu bahagian tandatangan elektronik anda di bawah ini dan merupakan satu-satunya cara untuk membolehkan kami mengenal pasti anda, yang anda perlu masukkan untuk membolehkan sistem Aplikasi AEON Bank untuk mengaitkan ID Pengguna anda dengan profil pengguna anda dan Akaun anda.

“Orang A.S” merujuk kepada mana-mana warganegara atau pemastautin Amerika Syarikat, semua wilayah dan harta bendanya, dan semua kawasan yang tertakluk kepada bidang kuasanya.

- 2.2 Perkataan yang membawa maksud tunggal adalah termasuk jamak dan sebaliknya.
- 2.3 Perkataan yang membawa maksud jantina maskulin adalah termasuk jantina feminin dan neuter dan sebaliknya.
- 2.4 Semua rujukan kepada peruntukan statut termasuk perundangan subsidiari dan semua pengubahsuaian, pensijilan semula dan penggubalan semula atau kepada statut seumpamanya dan perundangan subsidiari dari masa ke semasa dan buat masa ini sedang berkuatkuasa.

3.0 PEMATUHAN SYARIAH

- 3.1 Akaun Simpanan-i ialah akaun simpanan berdasarkan kontrak Syariah *Murabahah* melalui Aturan *Tawarruq* (“Aturan *Tawarruq*”). *Jualan Murabahah* ialah penjualan kos tambah keuntungan yang melibatkan penjualan Komoditi pada Harga Belian dan Keuntungan.
- 3.2 Aturan *Tawarruq* terdiri daripada kontrak jual beli Komoditi secara berturut-turut melalui Platform Perdagangan Komoditi yang diluluskan di mana:
 - (a) kami (bagi pihak anda) akan membeli Komoditi daripada pembekal komoditi, pada Harga Belian;
 - (b) kami (bagi pihak anda) kemudiannya akan menjual Komoditi kepada diri kami sendiri, secara *Murabahah*, pada Harga Jualan dan atas pembayaran tertunda. Tertakluk kepada Terma dan Syarat ini, Harga Jualan adalah amaun yang perlu dibayar kepada anda oleh kami, selepas tamat Tempoh dan tertakluk kepada *lbra'* (rebat) jika ada; dan
 - (c) kami kemudiannya akan menjual Komoditi kepada pihak ketiga yang berbeza, pada Harga Belian.
- 3.3 Di bawah Aturan *Tawarruq* dan mengikut Klausula 5, akan ada pengaturan dua *Wakalah* (agensi) oleh semua pendeposit Akaun Simpanan-i, di mana anda melantik kami (dan setelah bersetuju dengan Terma dan Syarat ini, anda dengan ini melantik kami) sebagai ejen anda untuk melaksanakan dan memuktamadkan kontrak jual beli Komoditi berikut:

(a) the sale and purchase contracts of the Commodity referred to in Clause 3.2(a) including any required future transaction, which is to select and buy the Commodity, on your behalf, from a commodity supplier through an approved Commodity Trading Platform, at the Purchase Price; and (b) the sale and purchase contracts of the Commodity referred to in Clause 3.2(b) including any required future transaction, which is to sell the Commodity, on your behalf, to us on a <i>Murabahah</i> basis, at the Sale Price on deferred payment.	(a) kontrak jual beli Komoditi yang dirujuk dalam Klausula 3.2(a) termasuk sebarang transaksi masa hadapan yang diperlukan, iaitu memilih dan membeli Komoditi, bagi pihak anda, daripada pembekal komoditi melalui Platform Perdagangan Komoditi yang diluluskan, pada Harga Belian; dan (b) kontrak jual beli Komoditi yang dirujuk dalam Klausula 3.2(b) termasuk sebarang transaksi masa hadapan yang diperlukan, iaitu untuk menjual Komoditi, bagi pihak anda, kepada kami secara <i>Murabahah</i>, pada Harga Jualan atas pembayaran tertunda.
3.4 All the sale and purchase contracts in the <i>Tawarruq</i> Arrangement will be concluded by an automated system. Due to this, you hereby waive your right to take physical delivery of the Commodity.	3.4 Semua kontrak jual beli dalam Aturan <i>Tawarruq</i> akan dilaksanakan melalui sistem secara automatik. Disebabkan ini, anda dengan ini mengetepikan hak anda untuk mengambil penghantaran Komoditi secara fizikal.
3.5 The Commodity that is used in the <i>Tawarruq</i> Arrangement is in the form of CPO or any other Shariah compliant commodities made available in the Commodity Trading Platform system and as approved by our Shariah Committee.	3.5 Komoditi yang digunakan dalam Aturan <i>Tawarruq</i> adalah dalam bentuk CPO atau mana-mana komoditi patuh Syariah lain yang disediakan dalam sistem Platform Dagangan Komoditi dan seperti yang diluluskan oleh Jawatankuasa Syariah kami.
3.6 The trading of the Commodity is carried out via a Commodity Trading Platform such as Bursa Suq Al-Sila' or any other Commodity Trading Platform which facilitates <i>Tawarruq</i> transactions as approved by our Shariah Committee.	3.6 Dagangan Komoditi dijalankan melalui Platform Dagangan Komoditi seperti Bursa Suq Al- Sila' atau mana-mana Platform Dagangan Komoditi lain yang menyediakan transaksi <i>Tawarruq</i> seperti yang diluluskan oleh Jawatankuasa Syariah kami.
3.7 <i>Ibra'</i> (rebate) is a rebate/waiver that you agree to provide on the Sale Price pursuant to the <i>Tawarruq</i> Arrangement to us in any event as specified in Clause 9.	3.7 <i>Ibra'</i> (rebat) ialah rebat/penepian yang anda setuju untuk berikan pada Harga Jualan menurut Aturan <i>Tawarruq</i> kepada kami sekiranya berlaku sebarang perkara seperti yang dinyatakan dalam Klausula 9.
4.0 OPENING OF THE SAVINGS ACCOUNT-i	4.0 PEMBUKAAN AKAUN SIMPANAN-i
4.1 Any application for the Savings Account-i and its access is subject to our approval. We reserve the right to accept or reject any application, deny and limit your access to the Savings Account-i, or revoke your access to the Savings Account-i based on our requirements, including the age, minimum deposit, documents which we may vary at any time.	4.1 Sebarang permohonan untuk Akaun Simpanan-i dan aksesnya adalah tertakluk kepada kelulusan kami. Kami berhak untuk menerima atau menolak mana-mana permohonan, menafikan dan mengehadkan akses anda atau kepada Akaun Simpanan-i, atau membatalkan akses anda kepada Akaun Simpanan-i berdasarkan keperluan kami, termasuk umur, deposit minimum, dokumen kami yang mungkin berbeza-beza pada bila-bila masa dan dari masa ke semasa dengan notis terlebih dahulu.
4.2 A Savings Account-i can be opened with a minimum initial deposit of RM1.00. We reserve the right to change this amount and will provide you with prior notice of any updates. For the avoidance of doubt, you are not required to maintain a minimum amount in your Savings Account-i unless notified to you otherwise via the AEON Bank Application and the AEON Bank Website.	4.2 Akaun Simpanan-i boleh dibuka dengan deposit permulaan minimum sebanyak RM1.00. Kami berhak untuk menukar jumlah ini dan akan memaklumkan anda mengenai sebarang kemas kini terlebih dahulu. Untuk mengelakkan sebarang keraguan, anda tidak dikehendaki mengekalkan sebarang amaun minimum di dalam Akaun Simpanan-i melainkan dimaklumkan kepada anda sebaliknya melalui Aplikasi AEON Bank dan Laman Web AEON Bank.
4.3 In the event that your initial deposit pursuant to Clause 4.2 above failed, you will be refunded within 7 to 14 days from the date of failed deposit.	4.3 Sekiranya deposit permulaan anda menurut Klausula 4.2 diatas telah gagal, wang anda akan dikembalikan dalam 7 ke 14 hari dari tarikh deposit gagal tersebut.
4.4 Monies deposited in the Savings Account-i must be in Ringgit Malaysia only.	4.4 Wang yang dimasukkan ke dalam Akaun Simpanan-i mestilah dalam Ringgit Malaysia sahaja.

4.5 You must be a natural person, resident, not a U.S. Person and have authority to be the Savings Account-i holder.

4.6 It is important for you to ensure that your Personal Data such as address, contact numbers, and other data given to us are accurate, complete, correct and updated at all times. This is to enable us to deliver any communications regarding the operation of the Savings Account-i. We shall be entitled to assume that there have been no changes until we have received notice given by you via the AEON Bank Application.

5.0 APPOINTMENT OF AGENT

5.1 By virtue of opening the Savings Account-i based on the Shariah contract of *Wakalah*, you hereby agree to appoint us and we agree to accept the appointment as your agent to do and execute the sale and purchase of the Commodity described in Clause 3.3 above.

5.2 For the purpose of discharging our duties and obligations as your agent, you hereby irrevocably authorise us to:

- (a) sign, execute any document, agreement or instrument for and on your behalf;
- (b) negotiate with, including but not limited to, the Commodity Trading Platform, industrial firms, their suppliers and their clients on your behalf in relation to your purchase and sale of the Commodity; and
- (c) to allow us to delegate our rights, duties and obligations as an agent to any third party to do all acts necessary for the completion of the required transactions.

5.3 We will only act as your agent and will not assume, or be deemed to have assumed, any other obligations to, or to have any special relationship with you.

5.4 You shall be held liable for the Commodity Trading transactions entered into by us as your agent in accordance with these Terms and Conditions, save and except where such actions, claims, demands, liabilities, losses, damages, costs and expenses arise directly from the gross negligence, misconduct, wilful default or fraud of us as your agent.

5.5 You shall indemnify and keep us indemnified from and against all losses, claims, actions, proceedings, damages, costs and other expenses, legal or otherwise, (including but not limited to all legal costs incurred by us on a solicitor and client basis) brought or claimed by any party and/or incurred or sustained by us as a result of the *Tawarruq* Arrangement except if it is proven that such losses and damages were directly attributable by our gross negligence, misconduct, wilful default or fraud. The indemnity given shall survive termination of these Terms and Conditions and any sums payable under it

4.5 Anda mestilah seorang individu, pemastautin, bukan Orang A.S. dan mempunyai kuasa untuk menjadi pemegang Akaun Simpanan-i.

4.6 Adalah penting untuk anda memastikan Data Peribadi anda seperti alamat, nombor hubungan dan data lain yang diberikan kepada kami adalah tepat, lengkap, betul dan dikemas kini pada setiap masa. Ini adalah untuk membolehkan kami menyampaikan sebarang komunikasi berkenaan pengendalian Akaun Simpanan-i. Kami berhak untuk menganggap bahawa tiada sebarang perubahan sehingga kami menerima notis yang diberikan oleh anda melalui Aplikasi AEON Bank.

5.0 PELANTIKAN EJEN

5.1 Berdasarkan pembukaan Akaun Simpanan-i berdasarkan kontrak Syariah *Wakalah*, anda dengan ini bersetuju untuk melantik kami dan kami bersetuju menerima pelantikan sebagai ejen anda untuk melakukan dan melaksanakan jual beli Komoditi yang diterangkan dalam Klausula 3.3 di atas.

5.2 Bagi tujuan menunaikan tugas dan kewajipan kami sebagai ejen anda, anda dengan ini memberi kuasa yang tidak boleh ditarik balik kepada kami untuk:

- (a) menandatangani, melaksanakan apa-apa dokumen, perjanjian atau instrumen untuk dan bagi pihak anda;
- (b) berunding dengan, termasuk tetapi tidak terhad kepada, Platform Dagangan Komoditi, firma perindustrian, pembekal mereka dan pelanggan mereka bagi pihak anda berhubung dengan pembelian dan penjualan Komoditi anda; dan
- (c) untuk membolehkan kami mewakilkan hak, tugas dan kewajipan kami sebagai ejen kepada mana-mana pihak ketiga untuk melakukan semua tindakan yang perlu bagi menyelesaikan transaksi yang diperlukan.

5.3 Kami hanya akan bertindak sebagai ejen anda dan tidak akan menganggap, atau dianggap telah memikul, sebarang kewajipan lain untuk, atau mempunyai sebarang hubungan istimewa dengan anda.

5.4 Anda akan dipertanggungjawabkan untuk urus niaga Perdagangan Komoditi yang dibuat oleh kami sebagai ejen anda mengikut Terma dan Syarat ini, kecuali jika tindakan, tuntutan, tuntutan, liabiliti, kerugian, kerosakan, kos dan perbelanjaan tersebut timbul secara langsung daripada kecuaihan melampau, salah laku, keingkaran yang disengajakan atau penipuan pihak kami sebagai ejen anda.

5.5 Anda hendaklah menanggung rugi dan memastikan kami ditanggung rugi daripada dan terhadap semua kerugian, tuntutan, tindakan, prosiding, ganti rugi, kos dan perbelanjaan lain, undang-undang atau sebaliknya, (termasuk tetapi tidak terhad kepada semua kos undang-undang yang ditanggung oleh kami atas dasar peguamcara dan pelanggan) yang dibawa atau dituntut oleh mana-mana pihak dan/atau ditanggung atau diterima oleh kami akibat daripada Aturan Tawarruq kecuali jika terbukti bahawa kerugian dan kerosakan tersebut secara langsung

and shall not be subject to any deduction whether by way of set off, counterclaim or otherwise.

disebabkan oleh kecuaiannya melampau, salah laku, keingkaran yang disengajakan atau penipuan pihak kami. Perlindungan yang diberikan akan kekal dalam penamatan Terma dan Syarat ini dan sebarang jumlah yang perlu dibayar di bawahnya dan tidak akan tertakluk kepada sebarang potongan sama ada dengan cara menolak selesai, tuntutan balas atau sebaliknya.

5.6 Our appointment as your agent may be terminated upon occurrence any of the following:

- (a) if you fail to perform any of the duties and obligation under the terms of the agency appointment and the same is not being remedied within fourteen (14) days from the date where that party becomes aware of such failure;
- (b) any representations, warranties or statements made or deemed to be made by you prove to have been incorrect, inaccurate or misleading in any material respect when made or deemed to be made;
- (c) the introduction, imposition or variation of any law or any change in the interpretation or application of law makes it unlawful for either party to perform or comply with any of its obligations under this appointment of us as agent;
- (d) you become a bankrupt, or if you die or become incapacitated, or become of unsound mind, or shall have been served with a custodial sentence, or be guilty of any offence against any law; and
- (e) the closure of the Savings Account-i. For the avoidance of doubt, such termination shall not affect the right of any party accrued prior to the date of termination.

5.6 Pelantikan kami sebagai ejen anda boleh ditamatkan apabila berlaku mana-mana perkara berikut:

- (a) jika anda gagal melaksanakan mana-mana tugas dan kewajipan di bawah terma pelantikan agensi dan perkara yang sama tidak diperbaiki dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh di mana pihak tersebut menyedari kegagalan tersebut;
- (b) sebarang pernyataan, jaminan atau kenyataan yang dibuat atau dianggap dibuat oleh anda terbukti tidak betul, tidak tepat atau mengelirukan dalam apa-apa aspek material apabila dibuat atau dianggap dibuat;
- (c) pengenalan, pengenaan atau perubahan mana-mana undang-undang atau sebarang perubahan dalam tafsiran atau pemakaian undang-undang menjadikannya menyalahi undang-undang bagi mana-mana pihak untuk melaksanakan atau mematuhi mana-mana kewajibannya di bawah pelantikan kami sebagai ejen ini;
- (d) anda menjadi mufis atau jika anda meninggal dunia atau menjadi kurang upaya, atau menjadi tidak waras, atau telah dijatuhkan hukuman penjara atau bersalah atas sebarang kesalahan terhadap mana-mana undang-undang; dan
- (e) penutupan Akaun Simpanan-i. Untuk mengelakkan keraguan, penamatan tersebut tidak akan menjejaskan hak mana-mana pihak yang terakru sebelum tarikh penamatan.

5.7 Notwithstanding the appointment of us as your agent, we may at our discretion and at any time, refrain, defer, delay and/or refuse to act as your agent on reasonable grounds if such act may contravene any laws and regulation, or may involve the proceeds to be applied for an unlawful conduct, or may contravene any provisions of the Anti-Money Laundering Anti-Terrorism Financing and Proceeds of Unlawful Activities Act 2001.

5.7 Walau apa pun pelantikan kami sebagai ejen anda, kami boleh mengikut budi bicara kami dan pada bila-bila masa, menahan diri, menangguhkan, melambatkan dan / atau enggan bertindak sebagai ejen anda atas alasan yang munasabah jika perbuatan tersebut boleh melanggar mana-mana undang-undang dan peraturan, atau mungkin melibatkan hasil yang akan digunakan untuk kelakuan yang menyalahi undang-undang, atau boleh melanggar mana-mana peruntukan Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001.

6.0 COMMODITY MURABAHAH TRANSACTION

6.1 The Commodity Trading as described in Clause 3.2(b) above will be entered on the next day based on the following scenarios:

- (a) on the EOD balance on account opening day;

6.0 TRANSAKSI MURABAHAH KOMODITI

6.1 Dagangan Komoditi seperti yang diterangkan dalam Klausula 3.2(b) di atas akan dimasukkan pada hari berikutnya berdasarkan senario berikut:

- (a) pada baki EOD pada hari pembukaan akaun;

- (b) on any Net Incremental Amount at the EOD, on any single day; or
- (c) on End of Year Balance.

6.2 EOD balance shall be the Savings Account-i balance at 0000 hours at any single day.

6.3 The Tenure of the sale and purchase contract shall start from the Tenure Effective Date until the Tenure Expiry Date i.e. 31 December of the respective year.

6.4 At the Tenure Expiry Date, the total EOD balance in your Savings Account-i will be used for a new Commodity Trading for a Tenure that expires on 31 December of the following year.

7.0 PROFIT CALCULATION

7.1 The sale price of the Commodity Trading as described in Clause 3.2(b) above ("**Sale Price**") shall be calculated based on the following formula:

$$\text{Sale Price} = \text{Purchase Price} + \text{Profit}$$

7.2 The Profit shall be calculated based on the following formula:

- (a) on the EOD balance on Savings Account-i opening day:

Profit =

$$\frac{\text{EOD balance on Savings Account-i opening day} \times \text{CPR} \times \text{Tenure}}{365 \text{ or } 366^*}$$

**366 to be used during the leap year*

- (b) on the Net Incremental amount at the EOD, on any single day:

Profit =

$$\frac{\text{Net Incremental Amount} \times \text{CPR} \times \text{Tenure}}{365 \text{ or } 366^*}$$

366 to be used during the leap year*

- (c) on End of Year Balance:

Profit =

$$\frac{\text{End of Year Balance} \times \text{CPR} \times \text{Tenure}}{365 \text{ or } 366^*}$$

366 to be used during the leap year*

7.3 Pursuant and subject to *lbra'* (rebate) as detailed in Clause 9 below, the Actual Profit shall accrue daily and credited into your Savings Account-i at every month-end. The Actual Profit shall be calculated based on the following formula:

$$\text{Actual Profit} = \frac{\text{EOD Balance} \times \text{EPR} \times \text{No. of days}}{365 \text{ or } 366^*}$$

** 366 to be used during the leap year*

- (b) pada sebarang Amaun Tambahan Bersih pada EOD, pada mana-mana hari; atau

- (c) pada Baki Akhir Tahun.

6.2 Baki EOD adalah menjadi baki Akaun Simpanan-i pada 0000 jam pada mana-mana hari.

6.3 Tempoh kontrak jual beli adalah bermula dari Tarikh Berkuatkuasa Tempoh sehingga Tarikh Luput Tempoh iaitu 31 Disember tahun masing-masing.

6.4 Pada Tarikh Luput Tempoh, jumlah baki EOD dalam Akaun Simpanan-i anda akan digunakan untuk Dagangan Komoditi baharu untuk Tempoh yang luput pada 31 Disember tahun berikutnya.

7.0 PENGIRAAN KEUNTUNGAN

7.1 Harga jualan Dagangan Komoditi seperti yang diterangkan dalam Klausula 3.2(b) di atas ("**Harga Jualan**") adalah dikira berdasarkan formula berikut:

$$\text{Harga Jualan} = \text{Harga Belian} + \text{Untung}$$

7.2 Keuntungan adalah dikira berdasarkan formula berikut:

- (a) pada baki EOD pada hari pembukaan Akaun Simpanan-i:

Keuntungan =

$$\frac{\text{Baki EOD pada pembukaan Akaun Simpanan-i} \times \text{CPR} \times \text{Tempoh}}{365 \text{ atau } 366^*}$$

** 366 untuk digunakan semasa tahun lompat*

- (b) pada sebarang Amaun Tambahan Bersih pada EOD, pada mana-mana hari:

Keuntungan =

$$\frac{\text{Amaun Tambahan Bersih} \times \text{CPR} \times \text{Tempoh}}{365 \text{ atau } 366^*}$$

** 366 untuk digunakan semasa tahun lompat*

- (c) pada baki Akhir Tahun

Keuntungan =

$$\frac{\text{Baki Akhir Tahun} \times \text{CPR} \times \text{Tempoh}}{365 \text{ atau } 366^*}$$

**366 untuk digunakan semasa tahun lompat*

7.3 Menurut dan tertakluk kepada *lbra'* (rebat) seperti yang diperincikan dalam Klausula 9 di bawah, Keuntungan Sebenar akan terakru setiap hari dan dikreditkan ke dalam Akaun Simpanan-i anda pada setiap akhir bulan. Keuntungan Sebenar adalah dikira berdasarkan formula berikut:

$$\text{Keuntungan Sebenar} = \frac{\text{Baki EOD} \times \text{EPR} \times \text{Bilangan Hari}}{365 \text{ or } 366^*}$$

365 atau 366*

* 366 untuk digunakan semasa tahun lompat

7.4 We shall determine the EPR and CPR from time to time with prior notice to you. The notice will be published at the AEON Bank Website and/or the AEON Bank Application.

7.5 AEON Bank's prevailing profit rate shall be published on the AEON Bank Website and/or AEON Bank Application.

7.6 For avoidance of doubt, no Actual Profit will be credited into your Savings Account-i in the event you breach any of these Terms and Conditions.

8.0 HAMISH JIDDIYAH (SECURITY DEPOSIT)

8.1 *Hamish Jiddiyah* is the security deposit amount which we will credit into your Savings Account-i on the profit crediting date which is at the EOD on the final day of the month, prior to the completion of the Commodity Trading. *Hamish Jiddiyah* is only applicable when there is any Net Incremental Amount at the EOD on the final day of the month whereby the completion of the Commodity Trading would be on the next day.

8.2 After the completion of the Commodity Trading on the profit crediting date:

(a) we will credit the Actual Profit for that particular period into your Savings Account-i being partial/full settlement of the Sale Price for that Tenure; and

(b) the *Hamish Jiddiyah* shall be offset against the Actual Profit for that particular period.

8.3 *Hamish Jiddiyah* is calculated as per the formula below:

Security Deposit =

$$\frac{\text{Net Incremental Amount on the last day of the month} \times \text{EPR} \times n^*}{365 \text{ or } 366^{**}}$$

* n = number of days prior to the Commodity Trading which is 1 day

** 366 to be used during the leap year

8.4 You agree and undertake not to utilise the *Hamish Jiddiyah* prior to the Commodity Trading.

8.5 In the event the Commodity Trading does not take place, the *Hamish Jiddiyah* shall be returned to us. However, we may waive the right to recover the *Hamish Jiddiyah* from you on specific circumstances such as closing of the Savings Account-i prior to Commodity Trading.

9.0 IBRA ' (REBATE)

7.4 Kami akan menentukan EPR dan CPR dari masa ke semasa dengan memberi notis awal kepada anda. Notis tersebut akan diterbitkan di Laman Web AEON Bank dan/atau Aplikasi AEON Bank.

7.5 Kadar keuntungan semasa AEON Bank akan diterbitkan di Laman Web AEON Bank dan/atau Aplikasi AEON Bank.

7.6 Untuk mengelakkan keraguan, Keuntungan Sebenar tidak akan dikreditkan ke dalam Akaun Simpanan-i anda sekiranya anda melanggar mana-mana Terma dan Syarat ini.

8.0 HAMISH JIDDIYAH (SECURITY DEPOSIT)

8.1 Hamish Jiddiyah ialah amaun deposit keselamatan yang akan kami kreditkan ke dalam Akaun Simpanan-i anda pada tarikh pengkreditan keuntungan iaitu pada EOD pada hari terakhir bulan tersebut, sebelum selesainya Dagangan Komoditi. Hamish Jiddiyah hanya terpakai apabila terdapat sebarang Amaun Tambahan Bersih pada EOD pada hari terakhir bulan tersebut di mana penyelesaian Dagangan Komoditi adalah pada hari berikutnya.

8.2 Selepas selesai Dagangan Komoditi pada tarikh pengkreditan keuntungan:

